

PERISTIWA BATU KIKIR 1945 SATU KENYATAAN SOSIAL MASYARAKAT

Oleh

Md. Ali Hasan dan Norhalim Hj. Ibrahim

Pengenalan

Peristiwa Batu Kikir berlaku pada suatu petang dalam bulan November 1945. Peristiwa ini merupakan salah satu daripada sejarah sosial tanah air. Di samping menjadi sejarah sosial negara, kepada masyarakat Melayu umumnya dan masyarakat Batu Kikir khasnya, peristiwa ini juga merupakan satu pernyataan sosial. Oleh sebab peristiwa ini terjadi kira-kira setengah abad yang lalu, berlaku dalam masa kekosongan pemerintah (masa transisi pentadbiran antara pihak Jepun dan British), serta dilakukan oleh kelompok masyarakat yang terletak jauh dari pusat pentadbiran negara, maka telah timbul pelbagai anggapan dan persoalan terhadapnya. Akibat peristiwa ini, nama Batu Kikir yang sebelum itu tidak dikenali menjadi terkenal bukan sahaja di Negeri Sembilan tetapi juga ke seluruh negara. Di samping memperkenalkan nama Batu Kikir, peristiwa ini juga menjadikan isu perkauman sebagai satu kenyataan dan menjadi lebih menonjol. Isu perkauman adalah isu sensitif dan kesensitifannya masih wujud hingga ke abad ini. Adalah menjadi harapan, penghuraian tentang peristiwa Batu Kikir menjadi tauladan, pengajaran dan perhatian kepada semua pihak, terutama generasi muda tentang bahaya yang mungkin timbul akibat isu perkauman.

Penulisan ini tidak akan menghuraikan apa yang berlaku pada suatu petang dalam bulan November 1945 itu. Apa yang dibicarakan dalam artikel ini adalah situasi dan keadaan masyarakat Batu Kikir sebelum meletusnya peristiwa itu. Antara lain yang akan diuraikan secara ringkas adalah permasalahan-permasalahan awal akibat

interaksi kaum dan kelompok sosial yang berlainan etnik, nilai, moral dan agama; tegasnya berlainan kebudayaan. Ini akan diikuti oleh senario perubahan politik akibat penaklukan Jepun yang diikuti pula oleh "pemerintahan" gerila Bintang Tiga. Oleh yang demikian, kerangka pembicaraan ini mencakup beberapa tahun sebelum penaklukan Jepun hingga kepada "pemerintahan" Bintang Tiga di akhir tahun 1945 yang akhirnya mencetuskan Peristiwa Batu Kikir.

Istilah Peristiwa Batu Kikir

Peristiwa Batu Kikir ini dikenali juga sebagai Perang Batu Kikir, Perang Tergagah Batu Kikir, Perang Sabil Batu Kikir atau Perang Cina-Melayu Batu Kikir¹. Menurut Jamaludin Samsudin (1998:33) peristiwa ini dikenali juga dengan nama Perang Senapang dan Parang. Pengistilahan atau panggilan yang diberikan oleh penduduk di sekitar pekan Batu Kikir (berikut akan disebut Batu Kikir sahaja, melainkan dinyatakan) itu mempunyai pelbagai implikasi. Pengutaraan istilah *perang* mempunyai konotasi yang mendalam iaitu memberi gambaran bahawa senjata moden telah digunakan di dalam peristiwa tersebut. Gambaran yang terbayang dalam minda ialah semasa berlakunya peristiwa tersebut seolah-olah wujud suasana perang; dan bunyi yang dikaitkan dengan peperangan seolah-olah kedengaran oleh penduduk sekitar berlakunya peristiwa itu.

Penggunaan istilah *tergagah* pula dilihat dari aspek kesan atau akibat dan senjata yang digunakan dalam peristiwa itu. Dari segi kesan, hanya tujuh orang sahaja terbunuh dan lapan orang lagi tercedera. Peralatan yang digunakan oleh orang-orang Melayu yang terlibat secara langsung dalam kejadian itu bukan peralatan "perang" moden. Mereka hanya bergantung kepada keyakinan dan ketabahan dengan bantuan peralatan tradisional seperti parang, keris, pedang, lembing dan buluh runcing. Orang-orang kampung menegaskan bahawa mereka yang terlibat adalah "kebal" dan "tidak dimakan oleh perluru". Andaian terakhir ini bersesuaian dengan konotasi "gagah" pada nama tersebut. Keadaan sebenar dan selari dengan andaian pada nama "tergagah" tersebut menunjukkan bahawa orang-orang kampung yang terlibat hanya menggunakan kekuatan jasmani dan rohani iaitu satu keadaan yang begitu kontras berbanding dengan pihak musuh yang menggunakan peralatan senjata moden.

Menamakan peristiwa ini sebagai Perang Sabil pula bersangkut dengan motif gerakan tersebut iaitu menegakkan kebenaran dan menjaga maruah bangsa, agama dan tanah air. Istilah perang sabil sebenarnya bermaksud menegakkan jalan Allah. Perang sabil terbahagi kepada dua jenis iaitu *al jihad ul-akhbar* yang bermaksud menentang hawa nafsu; dan *al jihad al-asghar* yang bererti menentang musuh (kafir). Oleh yang demikian, orang-orang kampung cuba mengaitkan peristiwa ini dengan *al jihad al-as ghar*.

Penggunaan nama Perang Cina-Melayu pula adalah hakikat kerana peristiwa itu sebenarnya merupakan pertentangan dua kelompok sosial yang berlainan bangsa, nilai, budaya, agama dan sebagainya. Tegasnya orang-orang Melayu di satu pihak dan orang-orang Cina di pihak lain.

Sedangkan nama Perang Senapang dan Parang pula melihat peristiwa itu daripada alat senjata yang digunakan. Orang-orang Melayu menggunakan peralatan yang diguna pakai setiap hari iaitu parang dan alat tradisional lain seperti keris, pedang dan lembing. Sebaliknya pula, pihak lawan menggunakan peralatan senjata moden atau senjata api seperti sten-gun, bren-gun, pistol dan senapang. Kesemua peralatan perang moden ini diklasifikasikan oleh orang-orang kampung Batu Kikir sebagai senapang. Justeru itu timbul istilah Perang Senapang dan Parang.

Dalam laporan-laporan pihak berkuasa British dan akhbar, peristiwa Batu Kikir ini diistilahkan mengikut pendapat dan pandangan masing-masing. Pihak berkuasa British menggunakan nama *racial disturbance* di dalam perbahasan Parlimen (*House of Commons*), di London pada 10 April 1946. Pihak berkuasa British menganggap peristiwa itu sebagai kekacauan bangsa yang berlaku lebih kurang serentak di beberapa tempat di Malaya dalam tahun-tahun 1945 dan 1946. Sedangkan pihak akhbar, seperti akhbar *Seruan Ra'ayat* (keluaran 11 November 1945) pula menamakan peristiwa itu sebagai "Perkelahian Cina-Melayu."

Sehubungan dengan pengistilahan tersebut maka penulisan ini lebih cenderung kepada penggunaan istilah "Peristiwa Batu Kikir". Dengan menggunakan nama ini, pembicaraan dalam artikel ini akan meninjau makna istilah peristiwa itu sendiri yang dikaitkan dengan

apa yang berlaku di pekan Batu Kikir pada suatu petang dalam bulan November 1945.

Istilah peristiwa, menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1994:1021) bermaksud: sesuatu (hal dll.) yang berlaku (menarik perhatian dll), kejadian, perkara: Kata setara istilah ini dalam bahasa Inggeris ialah *incident*. Menurut Hornby (1963:498) *incident* bererti: 1. *event, esp. one of less importance than others*. 2. *happening which attracts general attention*. 3. *happening (e.g. rebellion, bomb explosion, war) which, for various reasons persons in authority do not wish to describe precisely*. Berdasarkan maksud istilah ini, maka penulisan ini lebih cenderung menggunakan istilah peristiwa daripada perang. Konotasi istilah perang itu terlalu meluas dan membawa maksud pemusnahan: sedangkan apa yang berlaku di Batu Kikir hanya merupakan satu kejadian yang tidak berlarutan dan memusnahkan. Keadaan peristiwa Batu Kikir itu sama dengan, walaupun tidak sebesar, sedahsyat dan seluas Peristiwa 13 Mei 1969.

Di samping penggunaan istilah peristiwa, penghuraian dalam penulisan ini, ungkapan "gerakan sosial" (*social movement*) juga akan digunakan sebagai tukar ganti istilah peristiwa. Istilah gerakan lebih memberi tekanan kepada aksi dan tingkah laku manusia yang bergerak di dalam kejadian tertentu (Berkhoffer, 1969:46-47). Apa yang ingin dihuraikan dalam artikel ini adalah setting atau latar yang mengakibatkan tercetusnya peristiwa tersebut. Walau bagaimanapun perlu disedari bahawa suatu aksi akan dapat difahami apabila pelakuan tersebut dihubungkan dengan satu pergerakan dalam keseluruhannya. Aksi adalah manifestasi daripada suatu pergerakan. Oleh yang demikian, penghuraian tentang Peristiwa Batu Kikir 1945 akan dilihat melalui orientasi-orientasi tingkah laku yang terjelma daripada gerakan tersebut.

Bila Peristiwa Batu Kikir Berlaku

Sebagai dinyatakan di atas, telah setengah abad peristiwa ini berlaku. Hampir semua yang terlibat dalam peristiwa itu telah meninggal dunia. Jika pun ada, mereka telah terlalu tua dan ada yang telah pindah ke tempat lain. Orang-orang tua Batu Kikir yang ditemui memberikan pelbagai tarikh mengenal bila peristiwa ini berlaku. Kepelbagaian tarikh membuatkan para penyelidik memberikan tarikh yang berlainan pula. Apa yang pasti ialah peristiwa ini berlaku dalam

bulan November 1945. Tetapi hari apa dan berapa hari/bulan peristiwa itu berlaku, pensejarahan tentangnya masih belum sependapat. Sehingga penulisan ini, sejauh yang ditemui ada tiga pendapat iaitu:

1. Md. Ali Hasan (1977/78) menyatakan hari Selasa 6 November 1945;
2. Fatimah Lamin. Razali Mustafa, dll. (1990) menyatakan 4 April 1945;
3. Jamaludin Samsudin (1998:33) menyatakan hari Ahad 11 November 1945.

Oleh sebab peristiwa ini tidak menjadi fokus atau tumpuan utama penulisan ini maka permasalahan tentang hari dan tarikh sebenar berlakunya peristiwa itu tidak akan disentuh. Persoalan dan permasalahan tentangnya mungkin dibicarakan nanti dalam penulisan yang khusus tentang peristiwa tersebut. Penulisan ini, sebagai dinyatakan adalah tertumpu kepada keadaan sosial, politik dan juga ekonomi (di mana berkaitan) masyarakat Batu Kikir yang akhirnya membawa kepada tercetusnya Peristiwa 1945 itu.

Kaedah dan Masalah Kajian

Di dalam menyorot sesuatu permasalahan yang merupakan satu petunjuk sosial pelbagai kesulitan akan timbul. Untuk mengatasi dan menampung kekurangan dan kesulitan maka beberapa konsep ilmu sosial terutama sosiologi dan antropologi akan digunakan. Di samping itu, oleh sebab kesulitan mendapatkan sumber-sumber sekunder, kaedah temu bual terpaksa dilakukan. Responden yang ditemu bual terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam peristiwa tersebut. Untuk mendapatkan kebenaran dan kesahihan sesuatu fakta atau sumber yang diberikan oleh responden, kaedah memeriksa balas terutama terhadap kenyataan yang diragukan, telah dijalankan. Kebanyakan temu bual dilakukan dalam pertemuan empat mata. Hanya kadang kala sahaja diadakan pertemuan dan perbincangan secara beramai.

Dalam menjalankan penyelidikan ini beberapa masalah telah dihadapi. Antaranya adalah:

1. ada responden yang menimbulkan unsur-unsur negatif terhadap hasil penulisan ini. Mereka berasa curiga akan akibat apabila artikel ini diterbitkan;
2. mereka tidak mahu hasil penyelidikan ini "terjatuh" ke tangan anasir-anasir anti-nasional;
3. masalah mensenaraikan nama-nama mereka yang terlibat secara langsung dalam peristiwa tersebut. Sebahagian besar daripada mereka yang terlibat telah meninggal dunia.
4. dengan demikian, artifak yang digunakan ketika berlakunya peristiwa berdarah 1945 itu seperti senjata-senjata, pakaian dan barang-barang lain, tidak dapat dirakam foto atau dikumpulkan dan disimpan sebagai artifak sejarah.

Selain masalah di atas, sebahagian besar penulisan ini adalah berdasarkan sumber lisan yang diperolehi daripada orang-orang Melayu kampung di Batu Kikir sahaja. Masyarakat Cina di pekan tersebut tidak memberi kerjasama yang sewajarnya. Malahan mereka memperlihatkan sikap negatif semasa ditemu bual. Walau bagaimanapun, beberapa data diperolehi juga melalui rakan-rakan karib mereka (orang Cina) yang terdiri daripada orang-orang kampung. Laporan-laporan daripada pihak berkuasa terutama maklumat-maklumat polis juga tidak dapat diperolehi kerana maklumat-maklumat tersebut masih dianggap sulit dan sensitif.

Peristiwa Batu Kikir sebagai Pernyataan Sosial

Peristiwa Batu Kikir ini adalah satu pernyataan sosial masyarakat Melayu Batu Kikir. Setiap pernyataan sosial yang telah diwujudkan atau dijelmakan oleh sesuatu aktiviti mempunyai erti yang subjektif (Soedjatmoko, 1976:11). Oleh yang demikian, adalah penting bagi seorang sejarawan menyedari bahawa untuk memahami kewujudan cita-cita dan nilai-nilai sesuatu bangsa atau kelompok masyarakat yang dikaji, beliau harus merujuk kepada sejarah dan pengalaman-pengalaman yang telah menjadi pernyataan sosial bangsa atau kelompok masyarakat berkenaan. Peristiwa-peristiwa yang dilakukan atau dialami oleh sesuatu bangsa atau kelompok masyarakat itu adalah manifestasi atau kelahiran atau menjadi

kenyataan cita-cita bangsa atau kelompok masyarakat tersebut. Peristiwa berdarah yang terjadi di pekan Batu Kikir dalam tahun 1945 adalah satu pernyataan sosial masyarakat petani tradisional yang tinggal di sekitar pekan tersebut. Peristiwa ini telah meninggalkan kesan-kesan sosial yang masih diingati hingga ke hari ini.

Pekan Batu Kikir

Batu Kikir ialah nama sebuah pekan kecil dalam mukim Serting Ilir, daerah Jempol, Negeri Sembilan. Pekan ini terletak kira-kira sepuluh batu dari pekan Kuala Pilah dan lima batu dari pekan Bahau. Nama Batu Kikir dikatakan berasal daripada nama sejenis batu iaitu batu kelikir. Batu tersebut banyak didapati di kawasan ini pada mula-mula ia diteroka dahulu². Menurut Jamaludin Samsudin (1998:28) nama Batu Kikir terbit daripada satu kawasan bukit, berhampiran pekan ini sekarang yang mengeluarkan batu kelikir. Sebelum mendapat nama Batu Kikir, pekan ini dikenali sebagai Simpang Empat atau Simpang sahaja. Bila berlakunya perubahan nama ini tidak diketahui dengan tepat. Ada yang berpendapat pertukaran ini berlaku pada akhir tahun 1930-an atau sebelum kedatangan Jepun. Pekan ini terletak di kawasan pamah di antara Sungai Jempol dan Sungai Lonek. Pekan Batu Kikir terletak di tebing kiri Sungai Jempol.

Sungai Jempol yang panjangnya kira-kira 20 batu merupakan salah satu anak Sungai Muar. Sebelum terbinanya jalan raya sekitar tahun 1910-an sungai ini menjadi jalan penghubung antara kampung-kampung di sekitarnya. Di samping menjadi jalan penghubung, Sungai Jempol juga banyak mempengaruhi aktiviti-aktiviti ekonomi masyarakat sekitarnya terutama aktiviti pertanian. Kawasan rendah di sepanjang sungai ini telah dijadikan kawasan sawah padi. Keadaan ini mempengaruhi corak petempatan penduduk di sekitarnya iaitu mereka tinggal berkelompok-kelompok yang membentuk kampung-kampung tertentu di sekitar kawasan persawahan dan di tebing kanan sungai Jempol (lihat Peta 1 dan 2).

Kampung-kampung di sepanjang sungai ini antara lain adalah Kampung Lonek, Kampung Kuala Sialang, Kampung Tengah dan Kampung Bukit Gombang. Apabila jalan raya dibina dalam tahun 1910-an pola petempatan yang demikian ini berubah. Penduduk tidak sahaja berkampung di pinggir sungai dan sawah tetapi mula membina

petempatan di pinggir jalan raya. Justeru itu, muncul kampung-kampung Bukit Kelulut, Kampung Serting Ilir, Kampung Bukit Kerdas dan Kampung Baru Jempol.

Penduduk Batu Kikir adalah merupakan masyarakat petani³. Mereka akan bertumpu ke pekan Batu Kikir untuk menjual hasil tanaman dan membeli barang-barang keperluan harian. Hasil pertanian mereka diperniagakan di pekan sehari yang diadakan pada setiap hari Khamis. Pekan Sehari ini telah bermula sejak tahun 1930-an dan terkenal di kalangan masyarakat sekitar pekan Batu Kikir. Pada hari tersebut ramai peniaga dari luar datang menjual barang-barang keperluan harian seperti kunyit, lada, kuih-muih, di samping kain ela dan pakaian. Tegasnya, pada tiap-tiap hari Khamis, pekan Batu Kikir menjadi tumpuan penduduk tempatan istimewanya kaum wanita.

Dari segi pentadbiran, sebelum wujudnya daerah Jempol pada 1 Januari 1980, Batu Kikir terletak di bawah jagaan pegawai daerah Kuala Pilah. Di dalam hal ehwal keamanan dan keselamatan, pekan Batu Kikir mempunyai sebuah balai polis, namun balai polis tersebut cuma berfungsi sebagai tempat melapurkan sesuatu kejadian. Tindakan selanjutnya dilakukan oleh pihak balai polis Kuala Pilah. Dari segi kesihatan pula, penduduk di sekitar pekan ini mendapat rawatan perubatan dari hospital Kuala Pilah.

Dalam struktur dan organisasi politik adat Perpatih, Batu Kikir terletak dalam kawasan luak Jempol iaitu salah satu dari Luak Tanah Mengandung. Pentadbiran dan perjalanan adat dan istiadat diketuai oleh penghulu Luak Jempol yang bergelar Datuk Lela Putera Sitiawan (A. Samad Idris. 1968:248⁴). Beliau dibantu oleh beberapa orang datuk lembaga yang mengetuai suku masing-masing. Masyarakat adat Perpatih yang tinggal di Batu Kikir adalah anggota suku Tiga Batu, suku Tanah Datar, suku Biduanda, suku Payah Kumpuh dan suku Batu Hampar⁵. Namun demikian, bagi orang-orang yang datang dari luar, khususnya dari daerah Sumatera, diletakkan di bawah pentadbiran seorang ketua yang bergelar Datuk Dagang.

Daripada gambaran ringkas di atas, pekan Batu Kikir amat penting bagi masyarakat sekitarnya. Masyarakat di sekitar pekan itu pula telah mempunyai struktur, organisasi dan polarisasi.

Struktur dan Polarisasi Masyarakat Batu Kikir sebelum Zaman Jepun

Keperluan untuk hidup berkelompok seperti yang diatur oleh sistem bersuku masyarakat adat Perpatih itu telah memberikan satu nilai hidup kepada masyarakat Batu Kikir iaitu mereka dapat mengorganisasi diri dan berfikir sebagai satu kesatuan sosial. Fungsi-fungsi penyatuan atau berorganisasi yang diatur oleh sistem adat Perpatih ini telah diperkukuhkan lagi oleh konsep global "saudara seagama" yang dituntut oleh agama Islam ke atas penganutnya. Di samping itu, pengaruh manusia ke atas manusia dan pengaruh kelompok sosial atau masyarakat ke atas seseorang atau peribadi seseorang individu merupakan satu kenyataan dan hakikat yang tidak dapat dinafikan. Hubungan ini memperjelaskan struktur dan polarisasi sesuatu kelompok masyarakat. Cara hidup yang bersamaan sekurang-kurangnya menjadi hakikat rasa tanggungjawab bersama (Sidi Gazalba, 1976:4). Ciri-ciri yang berkenaan ini wujud dan telah sebatik dalam kelompok masyarakat Melayu Batu Kikir.

Institusi sosial utama yang menampakkan wujudnya hakikat kemasyarakatan Islam di Batu Kikir adalah masjid. Pernyataan ini selari dengan pendapat Sidi Gazalba (1976:133) yang mengatakan:

..... masjid membentuk kesatuan-kesatuan sosial, menjadilah ia pusat kesatuan sosial. Orang datang ke masjid di samping untuk beribadat (terutama solat) juga untuk perkara-perkara yang menyangkut kemasyarakatan. Mereka datang untuk bermusyawarah bagi kemaslahatan masyarakat. Dalam kutbah khatib memberikan penerangan, bimbingan, petunjuk, fatwa menghadapi dan menjawab masalah-masalah yang mereka hadapi sehari-hari dalam masyarakat. Kalau ada sesuatu yang penting, menyangkut kemaslahatan, orang-orang diminta datang ke masjid.

Di Batu Kikir, sebelum zaman pemerintahan Jepun terdapat dua buah masjid iaitu sebuah terletak di Kampung Lonek⁶ dan sebuah lagi di pekan Batu Kikir sendiri. Kedua-dua masjid-masjid tersebut dibina atas inisiatif penduduk tempatan. Kedua-dua masjid ini menjadi tumpuan masyarakat dari Kampung Kuala Sialang, Kampung Lonek, Kampung Tengah, Kampung Tebat dan beberapa buah kampung kecil lain yang mempunyai penduduk antara 500 hingga 550 orang⁷. Selain masjid-masjid tersebut, di setiap kampung terdapat juga sebuah surau. Surau digunakan oleh penduduk sekitarnya dan fungsinya lebih kurang

sama dengan masjid, kecuali surau tidak digunakan untuk bersembahyang Jumaat.

Kedua-dua institusi masjid dan surau amat penting dan berperanan sekali kepada sesuatu kelompok masyarakat Islam di kalangan masyarakat Melayu (S. Husin Ali, 1977:91-93). Keadaan ini tidak terkecuali di kalangan penduduk Batu Kikir. Selain menjalin rasa persaudaraan sesama Islam, kedua-dua institusi itu juga dapat menjamin dan mengekalkan perpaduan yang menimbulkan rasa tanggungjawab bersama kepada penduduk seluruhnya. Tiap-tiap anggota masyarakat merasakan diri mereka harus tinggal dalam situasi yang menyenangkan antara satu sama lain dan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini, mereka wajib bertindak secara kolektif. Sehubungan dengan itu, mereka menganggap masjid dan surau itu sebagai suatu yang suci dan mulia. Anggapan ini sering dinyatakan dengan mengatakan masjid itu adalah rumah Allah. Justeru itu, kedua-dua institusi ini harus dijaga dan dicemburui agar tidak tercemar oleh sebarang aktiviti yang tidak menyenangkan terutama sekali yang bernilai negatif dari segi keagamaan.

Pendidikan adalah merupakan satu saluran yang dapat mengubah sesuatu keadaan masyarakat. Struktur dan polarisasi masyarakat adalah antara unsur yang dapat dicorak dan dibentuk melalui konsep pendidikan. Pendidikan agama yang tidak formal yang disogokkan kepada masyarakat Batu Kikir dalam tahun-tahun sebelum bulan Disember 1941 telah memberi suatu kesan yang mendalam terutama dari sudut hubungan atau interaksi sosial sehari-harian. Anak-anak yang telah baligh, baik lelaki mahupun perempuan, akan "diserahkan" kepada tuan guru untuk diajar aspek-aspek asas ilmu keagamaan. Mereka memandang ilmu keagamaan itu sangat penting bagi membentuk rohani dan jasmani seseorang individu. Biasanya tuan guru itu dianggap sebagai seorang yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi oleh seluruh masyarakat kampung⁸. Tegasnya mereka adalah orang yang "alim" dan lazimnya memakai gelaran "lebai" dan "haji".

Tuan-tuan guru mengajar anak-anak tempalan sama ada di rumah sendiri atau di surau-surau dan di balai-balai masjid. Biasanya anak-anak ini menerima pelajaran selepas waktu zuhur hingga ke waktu asar atau pun selepas maghrib hingga kira-kira pukul 10.30

malam. Mereka diajar membaca Al-Quran mulai daripada mengenal huruf hingga dapat membaca dan memahami tajwidnya sekali. Di samping itu tuan-tuan guru tersebut juga mengajar beberapa hukum-hukum yang berkaitan dengan keagamaan. Anak-anak digalakkan berbudi pekerti terutama menghormati orang-orang tua di samping individu-individu lain dalam masyarakat. Hasil daripada pensosialisasian yang sedemikian ini telah menelurkan satu generasi yang dapat menjamin keutuhan dan perpaduan masyarakat. Masyarakat yang melalui konsep pendidikan yang sedemikian rupa sudah tentu tidak mudah diganggu-gugat oleh anasir-anasir yang cuba "meletakkan" dan "menabur" nilai-nilai yang membawa kepada perpecahan masyarakat Melayu Batu Kikir.

Pendidikan awal yang diperolehi oleh masyarakat Batu Kikir, walaupun berbentuk tidak formal, mempunyai kepentingan tertentu. "Penyerahan" seseorang anak kepada seseorang tuan guru harus dilakukan secara formal⁹. Anak-anak tersebut, mulai ketika penyerahan akan mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi kepada tuan guru. Masing-masing akan menghormati dan menyanjung tinggi tuan guru. Antara cara melahirkan rasa hormat dan sanjungan ini adalah pada hari raya, pagi-pagi lagi anak-anak akan berduyun-duyun menziarahi rumah tuan guru. Keadaan ini memberi suatu implikasi yang mendalam kepada seluruh kelompok masyarakat terutamanya dari segi obligasi sosial.

Ahli masyarakat akan hormat menghormati antara satu dengan lain, lebih-lebih lagi individu yang sangat disanjung tinggi oleh seluruh masyarakat. Dalam masyarakat Islam di sekitar tahun 1930-an dan 1940-an orang yang disanjung tinggi adalah guru agama atau lebih terkenal dengan panggilan tuan guru. Di samping memberikan pendidikan, tuan guru juga merupakan orang "harapan" bagi masyarakat kampung dalam upacara-upacara rasmi khususnya yang berkait dengan keagamaan seperti menjadi imam di masjid dan surau, membaca doa dalam sebarang majlis kenduri, upacara nikah kahwin, upacara pengkebumian mayat dan sebagainya. Oleh sebab kedudukan tuan guru yang demikian maka sekiranya terdapat sesuatu yang tidak diingini menimpa beliau, anggota-anggota masyarakat akan bertindak mempertahankannya. Orang-orang Cina yang mula membuka petempatan di Batu Kikir pada masa sebelum pemerintahan Jepun pun, secara lahir juga memberi penghormatan kepada tuan guru sebagaimana yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tempatan.

Pendidikan awal yang diterima oleh anggota-anggota masyarakat Batu Kikir hanya di surau-surau atau di masjid-masjid sahaja. Jika seseorang itu ingin mendalami lagi pengajiannya, beliau terpaksa menyambung pelajarannya di luar daerah Batu Kikir seperti ke Kedah, Kelantan, Petani atau ke Mekah. Mereka, apabila pulang semula ke kampung, lazimnya akan menyebarkan ilmu pengetahuan yang dipelajari kepada masyarakat tempatan. Anak-anak tempatan yang menuntut dalam negeri (sekolah pondok) biasanya akan dikenali dengan panggilan "lebai". Manakala mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran dan dapat menyempurnakan haji di Mekah dikenali dengan panggilan "haji". Antara anak tempatan Batu Kikir yang berjaya melanjutkan pelajaran keagamaan di luar Batu Kikir ialah Haji Muhamad bin Mustafa dan Haji Hamzah bin Salim. Mereka, apabila balik ke Batu Kikir, telah membuka sekolah pondok¹⁰ di Kampung Paya, Jempol dan di Kampung Lonek. Di kedua-dua sekolah ini anak-anak tempatan telah diberi pendidikan formal yang khusus dalam bidang pengetahuan agama Islam.

Namun demikian, masyarakat Batu Kikir juga tidak mengabaikan sistem pendidikan sekular yang disediakan oleh kerajaan. Dalam tahun 1940-an, di Batu Kikir telah terdiri dua buah sekolah Melayu iaitu Sekolah Melayu Jempol yang jauhnya dari masjid Kampung Lonek kira-kira satu kilometer dan Sekolah Melayu Batu Kikir. Sekolah Melayu Jempol, menurut Cikgu Haji Sulaiman, bekas guru besar sekolah tersebut, telah didirikan dalam tahun 1892¹¹. Sekolah Melayu Batu Kikir pula, menurut Za'ba (2000:152) didirikan pada 1 Julai 1907.

Berdasarkan huraian di atas, masyarakat Batu Kikir, sejak sebelum zaman pemerintahan Jepun lagi bukan masyarakat yang buta huruf dan pasif. Mereka dengan mudah menerima ilmu pengetahuan apabila disogokkan, terutama yang berkaitan dengan keagamaan. Keadaan yang serupa juga berlaku dalam zaman selepas pemerintahan Jepun. Justeru itu, masyarakat Batu Kikir mempunyai nilai-nilai dan norma-norma masyarakat yang tinggi. Mereka tidak mudah menerima sebarang nilai yang bertentangan dengan sistem nilai hidup mereka yang berdasarkan keagamaan dan sistem adat Perpatih. Masyarakat yang disepadukan oleh dua sistem, Islam dan adat, akan bertindak secara kolektif mempertahankan sistem kemasyarakatan mereka.

Masyarakat Cina yang mulai ramai menetap di Batu Kikir sejak beberapa tahun sebelum pemerintahan Jepun, melalui masa dapat memahami sistem dan nilai hidup masyarakat tempatan. Justeru itu, mereka berjaya mewujudkan hubungan yang menyenangkan dengan masyarakat tempatan. Mereka memahami fungsi masjid dan surau, kedudukan tuan guru, upacara-upacara dan budaya masyarakat tempatan dan sebagainya.

Kedatangan Orang Cina di sekitar Batu Kikir

Kehadiran masyarakat Cina di Tanah Melayu disebabkan oleh faktor-faktor dalam dan luar negeri. Walau bagaimanapun, kehadiran mereka pada zaman awal tidak membayangkan akan berakhir dengan tercetusnya suasana-suasana yang melibatkan isu nasional. Kehadiran orang-orang Cina di sekitar pekan Batu Kikir pada tahun-tahun awal 1900-an telah diterima oleh masyarakat tempatan dengan baik dan amal menggalakkan, Menurut Baenah binti Mahmud¹²:

Mula-mula Cina Lee Wang itu datang ke sini (Kampung Bukit Kelulut) hanyalah berseluar gontong (pendek) dan tidak berbaju. Apa yang dibawanya hanya sebilah cangkul. Ia telah meminta kebenaran untuk berkebun sayur di depan rumah saya ini. Pada masa itu, rumah saya ini terpencil dan kelilingnya hutan belukar. Suami saya pula tidak tetap di rumah kerana bekerja di Rompin (kira-kira 15 batu dari sini). Jadi langsung saya benarkan Cina Lee Wan itu berkebun sayur. Kedatangannya berupa rahmat bagi saya kerana saya tidak takut lagi tinggal di rumah terutama waktu malam. Kadang-kadang ia membantu saya misalnya menumbuk padi, memberi makan ayam, sekiranya saya tiada di rumah dan lain-lain. Tidak lama kemudian itu maka datanglah pula beberapa orang Cina lain seperti Cina Ah Chong, Ah Lan dan lain-lain. Mereka ini semuanya menanam sayur dan orang-orang kampung ketika itu tidak pernah mempersoalkan kedatangan mereka malah kedatangan mereka itu memudahkan orang-orang kampung mendapatkan sayur-sayuran seperti lada, terung, kacang dan lain-lain melalui pertukaran tahi ayam sahaja.

Berdasarkan pernyataan di atas dapat dirumuskan bahawa orang-orang Cina yang awal datang membuka petempatan di Batu Kikir adalah penanam sayur-sayuran. Mereka membuka tanah berhampiran rumah orang-orang kampung dan memperlihatkan hubungan mesra dengan terjalinnya kerjasama untuk kepentingan bersama.

Menjelang tahun 1930-an, bilangan orang Cina di Batu Kikir bertambah ramai iaitu antara 200 hingga ke-300 orang. Pertambahan yang agak mendadak ini, mengikut keterangan Cikgu Haji Sulaiman bin Abdullah dan Haji Muhamad bin Tupin¹³, disebabkan oleh kehadiran pendatang baru yang membawa bersama anak dan isteri mereka. Walaupun bilangan mereka bertambah, sikap orang Melayu terhadap mereka tidak berubah. Masyarakat tempatan tidak pernah mempersoalkan kehadiran mereka. Mereka tinggal bertaburan di pinggir-pinggir kampung terutama di kaki Bukit Serting.

Orang-orang Cina di Batu Kikir tidak mempunyai organisasi tertentu. Aktiviti mereka tertumpu, pada awalnya, kepada sektor ekonomi sara diri iaitu bercucuk tanam. Hubungan mereka dengan penduduk tempatan hanya tertumpu kepada bidang ekonomi dan hubungan ini, melalui masa, menjadi lebih aktif¹⁴. Mereka bukan sahaja bertanam sayur-sayuran tetapi telah mula membuka kedai-kedai runcit menjual barang-barang keperluan seharian seperti garam, asam, gula, teh, kopi dan barang-barang keperluan lain di kampung-kampung. Malahan ada di antara mereka menjadi peraih membeli barang-barang hasil usaha masyarakat tempatan seperti ayam, itik, telur, buah-buah dan hasil-hasil lain. Setengahnya pula telah berjaya menandingi beberapa orang peniaga Melayu tempatan. Keadaan atau tren yang lebih kurang sama juga berlaku di tempat-tempat lain di Tanah Melayu seperti masyarakat Cina di Sungai Raya, Muar yang mengikut Rogers (1969:69):

Mereka (orang Cina) telah meminta kebenaran untuk mendirikan pondok-pondok kecil di suatu sudut tanah orang Melayu. Orang Melayu sangat senang dan mengizinkannya. Kemudian mereka mendapat kedudukan sebagai "orang tengah" dan menjual barang-barang keluaran orang-orang kampung ke Muar dan pinang ke Singapura. Dengan cepat orang-orang Cina menjadi kaya. Mereka kemudian membeli tanah daripada orang-orang Melayu yang telah berpindah membuka tanah baharu di tempat-tempat lain.

Hubungan Perkauman Sebelum Zaman Jepun

Pada zaman sebelum pemerintahan Jepun, kedua-dua kelompok masyarakat di Batu Kikir memperlihatkan jalin hubungan yang amat menyenangkan. Kedua-dua kaum, atas dasar ekonomi, berjaya mengatasi segala perasaan atau anggapan yang membawa sifat-sifat

atau elemen-elemen perpecahan. Tegasnya, faktor ekonomi merupakan ciri penting yang menjadi tali penghubung antara kedua-dua kaum walaupun dalam konteks kehidupan sehari-harian mereka agak terpisah. Namun demikian, ini tidak bermakna faktor ekonomi merupakan satu faktor atau elemen yang utuh dan mutlak yang boleh menyatukan kedua-dua kaum ke dalam satu masyarakat yang bersatu padu (Benton. 1967:284-285).

Walaupun pada umumnya jalinan antara orang Melayu dan orang Cina di Batu Kikir dalam tahun-tahun tersebut mesra, tetapi secara individu terdapat juga pergeseran dan salah faham antara kedua-dua kelompok masyarakat itu. Pergeseran ini selalunya berkaitan dengan kehidupan sehari-harian terutama sekali soal hutang-piutang iaitu elemen yang biasa terjadi dalam aktiviti perniagaan. Orang-orang kampung merupakan pelanggan utama perniagaan orang-orang Cina, sering menganggap soal berhutang itu perkara mudah. Manakala orang-orang Cina pula, menganggap hutang itu sebagai satu yang serius walaupun kadangkala tidak dinyatakan dalam bentuk kenyataan atau tindakan. Namun demikian, permasalahan ini akan timbul pada suatu masa dan ketika tertentu yang memberi kesempatan kepada mereka untuk mengambil sesuatu tindakan.

Selain soal hutang, bibit-bibit pergeseran dan salah faham juga timbul akibat melakukan kesalahan jenayah, seperti mencuri, menipu dan sebagainya. Bagaimanapun mereka yang terlibat sering mencari jalan keluar dan menyelesaikannya secara aman demi mengekalkan keharmonian perhubungan dan kepentingan ekonomi masing-masing. Umpamanya tindakan Ismail bin Mahmod yang menggunting beratus-ratus pokok kambas dan kacang kepunyaan Ah Lan pada satu malam di Kampung Bukit Kelulut. Kejadian ini adalah ekoran daripada suatu pertengkaran antara mereka berdua sehari sebelumnya. Sehubungan dengan kejadian ini, Ah Lan telah datang ke rumah Ismail dengan tujuan (mungkin) untuk menyelesaikan perkara tersebut. Tetapi ia telah diberi tahu oleh keluarga Ismail bahawa Ismail telah pergi (melarikan diri) ke Pahang. Oleh kerana tiada tindakan seterusnya yang diambil oleh Ah Lan, perkara tersebut senyap begitu sahaja. Hubungan antara kedua-dua pihak "tetap mesra". Keluarga Ismail tetap berkunjung ke rumah Ah Lan untuk membeli sayur-sayuran dan Ah Lan pula tetap menjualnya tanpa sebarang masalah atau mengungkit peristiwa berkenaan¹⁵. Walau bagaimanapun, kesalahan jenayah berat seperti membunuh tidak pernah berlaku di Batu Kikir.

Hubungan antara dua kelompok masyarakat yang mempunyai ciri-ciri perbedaan yang jelas khusus dari segi nilai dan norma hidup, dapat terjalin dengan harmoni apabila masing-masing pihak mewujudkan perasaan tolak ansur antara satu dengan lain. Orang-orang Cina yang semakin ramai tinggal di Batu Kikir dalam tahun-tahun 1930-an, merasa sikap bertolak ansur mereka terhadap orang-orang Melayu mungkin tidak dapat diperpanjangkan lagi. Segala peristiwa masa lain yang menimbulkan rasa dendam dan tidak puas hati antara individu tertentu daripada kedua-dua kelompok masyarakat, khususnya orang-orang Cina, tetap dalam ingatan dan berterusan serta menjadi contoh dan tauladan dalam tindakan mereka selanjutnya. Perasaan-perasaan tersebut telah diketepikan untuk sementara, terutama sekali dalam masa pemerintahan Jepun. Pemerintahan Jepun telah membawa perubahan yang menonjol kepada kedua-dua masyarakat yang tinggal di Batu Kikir. Dengan kata-kata lain, kedatangan pemerintah Jepun telah menjadi titik tolak perubahan kepada struktur dan polarisasi masyarakat Batu Kikir.

Zaman Pemerintahan Jepun

Kemenangan pihak Jepun yang dicapai dalam masa 70 hari selepas pendaratannya di Kelantan pada 8 Disember 1941 secara langsung mengakibatkan suatu perubahan yang besar bagi masyarakat Tanah Melayu. Pihak berkuasa Jepun, sebelum menakluki Tanah Melayu telah mengadakan hubungan awal dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM) di Singapura. Pihak Jepun menganggap KMM sebagai mewakili orang Melayu yang menjadi penduduk bumiputera negara ini dengan tujuan agar orang-orang Melayu tidak menentang pemerintahan Jepun (Agastja, 1951:88; Lee Ting Hui, 1961:59). Malangnya ketika Inggeris hendak mengundur diri, raja-raja negeri Perak, Selangor dan Pahang serta Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan telah dipaksa mengumumkan peperangan melawan Jepun (Agastja, 1951:89). Keadaan ini menyebabkan orang Melayu keseluruhannya dicurigai oleh pihak pemerintah Jepun tetapi tidaklah sebegitu hebat jika dibandingkan dengan syak wasangka mereka terhadap orang Cina. Pihak pemerintah Jepun, sebaik sahaja menakluki Tanah Melayu, telah mengadakan satu pentadbiran tentera dengan tujuan utama untuk menjaga keamanan. Penduduk tempatan diminta memberi kerjasama¹⁶. Melihat daripada layanan yang diberikan kepada suku bangsa di Tanah Melayu, pemerintah Jepun memperlihatkan satu sikap yang penuh diskriminasi.

Orang-orang kampung telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pemerintah Jepun. Penubuhan unit-unit sukarela di peringkat kampung mendapat sambutan dan kerjasama yang menggalakan daripada penduduk tempatan. Orang lelaki yang berumur 20 tahun ke atas dimestikan memasuki unit sukarela tersebut yang dikenali dengan panggilan *Jikei-dan*¹⁷. Tiap-tiap jikei-dan dianggotai oleh kira-kira 10 hingga 15 orang di bawah seorang penolong ketua yang dikenali dengan panggilan *Fuku-Dancho*¹⁸. Biasanya jikei-dan ini terdapat selang sebatu atau kurang daripada itu bagi tiap-tiap kawasan petempatan atau perkampungan. Beberapa kumpulan jikei-dan yang di bawah kuasa beberapa orang fuku-dancho dipimpin oleh seorang ketua yang dikenali sebagai *Dancho*¹⁹. Bagi jikei-dan di Kampung Bukit Kelulut, Kampung Kuala Sialang, Kampung Lonek, Kampung Serting Ilir dan Kampung Tengah danchonya ialah Datuk Nara Kidam bin Salleh iaitu seorang bekas penghulu.

Tujuan penubuhan jikei-dan atau unit sukarela ini adalah untuk membantu pihak Jepun menjaga keamanan dan mengelakkan masyarakat kampung daripada disusupi oleh pihak musuh. Kawalan-kawalan oleh anggota-anggota jikei-dan dilakukan setiap malam dengan dua orang bertugas setiap empat jam secara bergilir-gilir. Mereka berkawal sekeliling kampung dan memakai lencana bendera Jepun yang dililitkan di tangan kiri tiap-tiap seorang. Mereka tidak digalakkan membawa senjata ketika menjalankan tugas kerana takut diambil atau dirampas oleh pihak musuh terutama sekali pihak Bintang Tiga²⁰. Sekiranya terdapat sebarang anasir yang dicurigai, khusus kehadiran pihak musuh, maka fuku-dancho harus melaporkan perkara itu kepada pihak Jepun. Bagi kawasan Batu Kikir, pusat pentadbiran Jepun bertempat di Kuala Pilah.

Jikai-dan yang terdapat di Batu Kikir sering kali didatangi oleh anasir-anasir gerakan "bawah tanah" (anasir anti-Jepun). Mereka datang secara kumpulan yang terdiri daripada tiga hingga empat orang lengkap dengan alat senjata, selalunya pistol dan senapang. Anasir-anasir bawah tanah atau gerila-gerila tersebut datang untuk meminta sokongan sambil mengancam, menggugat dan mengugut. Keadaan ini sering kali menimbulkan perasaan serba salah di kalangan penduduk tempatan, khususnya fuku-dancho dan dancho. Jika dilaporkan kepada pihak berkuasa Jepun dan diketahui oleh pihak anasir anti-Jepun, maka nyawa mereka terancam. Sebaliknya pula,

jika mereka tidak berbuat demikian, maka apabila diketahui oleh pihak Jepun bahawa mereka telah bekerjasama dengan anasir itu, bermakna mereka telah tidak menunaikan segala perintah (pihak berkuasa Jepun) dan mungkin nyawa mereka juga tidak selamat.

Dalam soal menjaga keamanan, sikap pihak pemerintah Jepun adalah tegas. Mereka menunjukkan ketegasan dengan memper-tontonkan kepada orang ramai bagaimana seseorang bersalah menerima hukuman. Keadaan serba salah tersebut memberi kesan yang mendalam kepada seluruh kelompok masyarakat kampung di Batu Kikir, lebih-lebih lagi kebanyakan anggota gerila atau anasir bawah tanah tersebut terdiri dari kaum Cina.

Berikutan dengan keadaan ini, orang-orang kampung memandang seluruh orang Cina di Batu Kikir dengan perasaan benci. Kebencian yang melampau ini membuatkan beberapa orang kampung mengambil kesempatan secara individu. Mereka membuat laporan negatif mengenai orang Cina yang dibencinya kepada pihak Jepun, umpamanya menyatakan orang Cina tersebut adalah anggota anasir bawah tanah dan sebagainya.

Selain mengadakan kerjasama dalam bidang keamanan, pihak Jepun juga membuat beberapa perancangan untuk memberi bantuan kepada penduduk tempatan dari segi ekonomi. Antaranya adalah:

1. Bantuan benih padi Taiwan dan binatang ternakan;
2. Menggalakkan penduduk tempatan membuka tanah baharu untuk ditanam dengan tanaman makanan seperti ubi kayu, pisang, sayur-sayuran dan sebagainya²¹;
3. Merancang membina sebuah empangan di ketiga-tiga batang sungai, Sungai Muar, Sungai Jempol dan Sungai Serting, untuk mengatasi masalah pengairan.
4. Merancang membuka beratus ekar tanah baru bagi kawasan pertanian.

Untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan itu orang Jepun telah membawa masuk orang Cina dari luar. Beberapa orang

kampung telah dilantik sebagai ketua dalam kerja-kerja pembinaan dan pembukaan tanah baru tersebut. Pihak Jepun juga telah membina sebuah lapangan terbang di Juasseh iaitu kira-kira tiga batu dari pekan Batu Kikir. Menurut Othman bin Nayan (1973/74:8) lapangan terbang ini hanya digunakan ketika zaman Jepun sahaja.

Pihak pemerintah Jepun sering kali mengadakan gerakan pembersihan anasir bawah tanah. Orang-orang Cina di Batu Kikir melihat gerakan pembersihan tersebut sebagai satu kekejaman. Orang-orang Jepun yang anti-orang Cina telah mengambil sikap tidak bertolak ansur dalam sebarang kesalahan dan tuduhan terhadap orang Cina. Sikap anti-Cina pihak Jepun ini adalah ekoran daripada peperangan Sino-Jepun pada tahun 1937 dan beberapa aktiviti orang Cina seberang laut (termasuk Malaya) yang menunjukkan sikap anti-Jepun²². Lantaran demikian, ramai orang Cina, khususnya yang lelaki lari ke hutan-hutan menganggotai gerakan bawah tanah untuk menentang pihak pemerintah Jepun.

Orang Cina di Batu Kikir melindungi diri di hutan Bukit Serting yang bersambung dengan hutan besar negeri Pahang. Dari kawasan tersebut mereka boleh bergerak ke Jelebu, Johol, Kuala Pilah dan tempat-tempat lain. Di hutan-hutan ini anasir anti-Jepun itu menggabungkan diri dengan kumpulan bawah tanah yang lain²³.

Anasir anti-Jepun yang bergerak di Batu Kikir sentiasa memerhatikan gerak-geri orang-orang kampung terutama mereka yang bekerjasama dengan pihak pemerintah Jepun. Orang Cina awam pula sentiasa menunjukkan sikap bermuka-muka kepada pihak pemerintah Jepun supaya tidak tertangkap kerana dianggap sebagai anasir-anasir bawah tanah.

Dalam keadaan sedemikian ini, kedua-dua kaum memperlihatkan pertentangan sikap dan sokongan terhadap pihak pemerintah dan pihak anasir anti-Jepun. Umpamanya perkara yang berlaku di kampung Ulu Jempol iaitu kira-kira sepuluh batu dari pekan Batu Kikir. Di kampung tersebut, seorang tuan guru yang bernama Haji Jaafar bin Nara telah melaporkan kepada pihak Jepun bahawa tujuh orang Cina di kampung tersebut telah bekerjasama dengan anasir-anasir anti-Jepun²⁴. Sedangkan masyarakat Cina di kampung tersebut mendiamkan kehadiran anasir-anasir tersebut. Akibat laporan ini

ketujuh-tujuh orang Cina berkenaan telah ditangkap serta ditembak oleh pemerintah Jepun. Kejadian itu menyebabkan orang-orang Cina seluruhnya, lebih-lebih lagi keluarga mereka yang terlibat memandang serong kepada orang-orang kampung.

Pada akhir pemerintahan Jepun di Tanah Melayu iaitu pada penghujung tahun 1945 kegiatan anasir anti-Jepun bertambah berleluasa. Mereka yang digelar oleh pemerintah Jepun komunis Malaya telah bertindak ganas terhadap orang-orang awam. Penduduk tempatan menggelar anasir anti-Jepun itu dengan panggilan Cina Gerila. Mereka telah masuk ke kampung-kampung secara terang-terangan dan memaksa orang-orang kampung menyokong gerakan mereka. Anasir anti-Jepun tersebut faham bahawa penduduk tempatan tidak akan melaporkan kepada pihak pemerintah Jepun kerana para dancho beranggapan, jika kegiatan itu dilaporkan, selain ia sendiri mencari maut di tangan gerila, pihak pemerintah Jepun tidak akan mengambil tindakan. Pada tahun 1945 pihak Jepun leka menumpukan perhatian kepada strategi peperangan dan pertahanan luar (Chin Kee Onn, 1976; 180). Penduduk Batu Kikir mulai rasa takut dan bimbang terutama mereka yang tinggal di kampung-kampung di pedalaman seperti Kampung Ulu Jempol yang jauhnya kira-kira 10 batu dari pekan Batu Kikir.

Di kampung-kampung tersebut, pihak gerila, kemudian lebih dikenali dengan panggilan Cina Bintang Tiga, benar-benar cuba mempengaruhi orang kampung. Mereka telah secara paksa mengutip wang sebanyak lima ringgit (nilai wang British sebelum Perang Dunia Kedua) bagi tiap-tiap lelaki yang berumur 15 tahun ke atas sebagai yuran ahli pergerakan mereka. Di samping itu, gerila Bintang Tiga tersebut telah mengeluarkan propaganda yang antara lain boleh dirumuskan²⁵ seperti berikut:

1. Orang-orang Cina, India dan Melayu hendaklah bersatu di Malaya ini kerana sekarang orang-orang Cina telah beroleh kemenangan dalam perang di Malaya dan telah menghalau keluar orang-orang Jepun.
2. Dalam masa yang singkat tentera China di Chungking dan Rusia akan sampai di Malaya, mungkin dalam perjalanan. Mereka akan menyokong gerila-gerila Cina di dalam hutan di Malaya - dengan

itu kita harus kibarkan bendera Rusia, China dan Bintang Tiga di Malaya.

3. Jika British datang semula ke Malaya, kita harus bersatu padu dan menghalau mereka semula.
4. Kita tidak mahu perkhidmatan pegawai-pegawai Melayu yang tinggi-tinggi lagi (sekali pun untuk menjadi raja).
5. Kerajaan bekas pentadbiran tentera British (BMA) tidak akan lagi diiktiraf walaupun ia mengakui dengan baik, akan memberikan kerakyatan kepada orang China. Kakitangan-kakitangan kerajaan tersebut akan digantikan oleh orang Cina di setiap jabatan. Raja dan pembesar-pembesar negeri akan diganti oleh orang Cina kerana negeri ini sekarang dipunyai oleh orang-orang Cina (jangan fikir orang Melayu akan naik kembali).

Namun demikian keganasan pihak gerila Bintang Tiga berlanjutan dan bertindak sesuka hati mereka. Kerbau-kerbau dan lembu-lembu yang diberikan oleh orang Jepun kepada orang Melayu telah ditembak dengan tujuan menunjukkan kuasa, di samping melepaskan kemarahan mereka terhadap Jepun. Kejadian-kejadian tersebut telah memberi kesan yang mendalam kepada penduduk Batu Kikir terutama kepada pemelihara-pemelihara ternakan hasil bantuan pemerintahan Jepun. Mereka sentiasa berada dalam keadaan yang cemas dan gelisah.

Pada 12 September 1945, pihak Jepun secara rasmi telah menyerah kalah kepada pihak Berikat dan Tanah Melayu mengalami kekosongan pemerintah. Ketika ini pelbagai peristiwa telah berlaku dan masing-masing pihak telah cuba mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri (Chin Kee Onn, 1976:180-188). Gerila Bintang Tiga telah keluar dari hutan-hutan dan cuba menunjuk kekuasaan mereka terutama kepada penduduk tempatan. Orang-orang kampung di Batu Kikir yang sentiasa berada dalam keadaan cemas dan gelisah itu menjadi semakin tegang kerana tindakan gerila Bintang Tiga bertambah ganas.

Zaman Selepas Pemerintah Jepun

Tanah Melayu telah mengalami suatu zaman kekosongan pemerintahan akibat kekalahan pihak Jepun kepada pihak Berikat. Tentera British agak lambat untuk menyusun pentadbiran di Tanah Melayu. Gerila-gerila anti-Jepun terutama kumpulan *Malayan People Anti-Japanese Army* (MPAJA) telah keluar dari hutan-hutan dan telah menguasai hampir 70 peratus pekan-pekan kecil dan kampung-kampung di seluruh Tanah Melayu (Chin Kee Onn, 1976:183). Negeri-negeri yang benar-benar terlibat dalam tindakan MPAJA ini ialah Johor, Selangor, Perak dan Negeri Sembilan. Gerila anti-Jepun yang dikenali oleh orang-orang kampung dengan panggilan Bintang Tiga itu telah membuat beberapa objektif yang antara lain, menurut (Chin Kee Onn, 1976:183) bertujuan:

1. Merampas pos luar polis dan balai-balai polis luar bandar serta mengambil alih senjata-senjata dan peluru dan menangkap mata-mata gelap, sarjan dan polis-polis biasa yang nama tercatat dalam senarai hitam mereka.
2. Mengesan segala agen pengintip, polis tentera (MP) dan Butai serta anasir-anasir pro-Jepun (termasuk juga mereka yang sayangkan Jepun).

Di samping itu beberapa tindakan awal telah dilakukan oleh pihak Bintang Tiga. Menurut Kin Kee Onn (1976:183) tindakan-tindakan itu ialah:

Mereka menetapkan harga barang-barang dan "membebaskan" kawasan-kawasan yang dahulunya bawah pengaruh Jepun. Mereka menghalang jalan-jalan raya utama dan menahan kenderaan dari masuk ke sesuatu daerah. Mereka merampas lori dan kenderaan kepunyaan kuminis. Mereka bijak menjauhkan diri dari menyebut "komuni". Mereka hanya bercakap tentang "keganasan" dan "perampasan". Bila mula-mula mereka menyerang daerah di luar-luar bandar (iaitu dengan menembak terus pengawal-pengawal), mereka mengertak dan membalas dendam serta membunuh orang kampung kerana mereka berfikir lebih baik berbuat demikian daripada mengundurkan diri.

Di Batu Kikir, selain bertindak seperti yang dinyatakan oleh Chin Kee Onn di atas, gerila Bintang Tiga juga mendirikan sebuah markas gerakan di sebuah kedai kosong berhadapan dengan balai polis Batu Kikir. Markas tersebut dijadikan tempat rehat dan tempat membicarakan kesalahan seseorang. Mangsa-mangsa yang mereka tahan diikat pada tiang-tiang yang sedia ada dalam kedai tersebut²⁶. Seseorang yang ditangkap akan dibawa ke markas tersebut dan tanpa banyak bicara diikat dan dikawal dengan rapi. Untuk membebaskan tawanan, kaum keluarga harus membayar tebusan berupa barang-barang berharga seperti emas, basikal, kain baju dan barang-barang lain.

Ada dua sebab utama yang menyebabkan seseorang mangsa itu ditangkap dan kemudiannya diikat, iaitu:

1. Ia dianggap sukar dipengaruhi semasa pemerintahan Jepun dahulu;
2. Dilaporkan oleh orang awam (terutama orang Cina) bahawa mangsa tersebut pernah bersalah kepada pelapor pada suatu masa dahulu, misalnya berhutang, memarahinya atau ingin membalas dendam²⁷.

Persoalan hutang-piutang dan perasaan dendam menjadi acara pertama pada masa itu. Tuntutan yang dibuat pula adalah sesuatu yang tidak diterima akal. Umpamanya, jika seseorang itu berhutang sebelum zaman Jepun sebanyak \$1.00 maka ia menuntut bayaran sebanyak \$100.00 atau kadang kala hingga \$1,000.00 wang British²⁸.

Perbuatan yang kurang menyenangkan atau kasar yang dilakukan oleh individu pada masa lalu, terutama yang mengusik hati, misalnya kena tengking, ditempelak, lebih-lebih lagi disepak terajang maka mereka yang menjadi sasaran perbuatan tersebut akan meminta ganjaran berupa wang, barang berharga seperti emas, basikal, kain baju, binatang ternakan dan sebagainya. Jika orang yang terlibat itu tidak dapat membayar atau menunaikan permintaan tersebut ia akan dilaporkan kepada pihak gerila Bintang Tiga. Pihak Bintang Tiga pula, tanpa membuat sebarang penyiasatan terus bertindak. Hal sedemikian ini selalu dilakukan oleh orang-orang Cina awam dan mangsa-mangsa mereka adalah orang-orang Melayu tempatan²⁹.

Antara orang-orang Melayu Batu Kikir yang terlibat dalam persoalan ini ialah Abdullah bin Enot dan Abdul Manaf bin Ahmad. Kejadian ini berlaku sebelum zaman pemerintahan Jepun lagi. Mereka dikatakan bersalah kerana memarahi dan menyepak seorang Cina awam yang telah tua bernama Ah Pek, ketika dia datang ke rumah mereka menuntut hutang sayur. Bila Jepun menyerahkan kuasa kepada pihak British, Ah Pek telah melaporkan perkara tersebut kepada Bintang Tiga di Batu Kikir. Pada malam itu juga, Abdullah dan Abdul Manaf telah ditangkap dan dibawa ke markas Bintang Tiga di Batu Kikir. Mereka telah diikat selama seminggu dan dilepaskan setelah satu perundingan di adakan³⁰. Keadaan yang hampir serupa telah juga berlaku kepada Ishak bin Ibrahim. Beliau dikatakan cuai menaiki basikal hingga melanggar seorang kanak-kanak bangsa Cina pada satu petang di pekan Batu Kikir. Ishak telah ditahan oleh pihak Bintang Tiga di Batu Kikir selama dua hari³¹. Di samping kesalahan-kesalahan nyata, pihak Bintang Tiga juga telah menghukum atas perbuatan menyakitkan hati atau untuk membalas dendam sebagai mana yang berlaku ke atas Malik bin Md. Zain, Idris bin Ma'alam, Musa bin Sulong dan Datuk Muda Omar bin Lajim. Mereka yang baru disebut nama ini pula bukan dilaporkan oleh orang Cina tetapi oleh orang-orang Melayu tempatan yang pro-Bintang Tiga³².

Di samping mengenakan hukuman ikat, pihak Bintang Tiga juga mengenakan hukuman tembak hingga mati ke atas kesalahan yang dianggap berat dan tidak boleh dipertimbangkan. Hukuman ini telah berlaku kepada Zainal bin Lahin, seorang bekas pegawai mergastua dan Ujang bin Deraji, seorang pegawai kastam yang sedang bercuti. Mereka dikatakan terlalu pro-British dan menjadi kaki tangan kerajaan British. Pihak Bintang Tiga, dalam menghadapi persoalan pro-British ini tidak memilih mangsa atau bangsa. Dua orang Cina pekebun sayur iaitu Siong Kee dan Ah Kow juga telah menerima hukuman yang sama³³.

Tindakan awal pihak Bintang Tiga setelah "berkuasa" adalah mengadakan operasi pembersihan terutama terhadap orang-orang yang telah disenaraihitamkan. Mereka yang didaftarkan dalam senarai hitam ini adalah atas tiga sebab utama iaitu pro-Jepun, pro-British dan tidak mahu bekerjasama. Dalam operasi pembersihan ini, biasanya pihak Bintang Tiga bergerak dalam kumpulan seramai empat atau lima orang. Mereka melakukan penangkapan pada waktu malam. Oleh

kerana kebanyakan anggota Bintang Tiga tersebut terdiri daripada orang-orang Cina, maka seorang orang Melayu tempatan yang pro-Bintang Tiga membantu mereka sebagai jurubahasa. Sehubungan dengan operasi ini, penduduk-penduduk tempatan, terutama bekas-bekas dancho dan fuku-dancho, yang merasa nama mereka tercatat dalam senarai hitam tersebut, cuba melarikan diri. Mereka sentiasa menghilangkan diri daripada pengetahuan pihak Bintang Tiga terutama daripada pengintip-pengintipnya. Pada waktu malam, mereka akan tidur di pondok dalam sawah, di rumah-rumah kosong (tinggal atau terbiar), di atas reban ayam dan tempat-tempat lain yang dianggap selamat. Pendek kata, mereka yang tercatat nama dalam senarai hitam itu tidak akan tidur dan tinggal tetap di satu tempat sahaja³⁴.

Keadaan yang sedemikian ini menjadikan penduduk tempatan sentiasa resah, takut dan cemas. Kaum wanita yang mengetahui bahawa nama suami atau anak mereka tercatat dalam senarai hitam tersebut biasanya tidak akan tinggal tetap di rumah sendiri. Apabila selesai makam malam, mereka akan pergi ke rumah jiran atau sanak saudara untuk mengatasi rasa takut dan cemas jika berlaku sesuatu yang tidak diingini³⁵. Penduduk tempat pada masa itu biasanya cepat tidur. Mereka juga tidak berani mengadakan sebarang majlis keramaian atau sebagainya.

Walaupun keadaan sangat mencemaskan dan menakutkan, masjid yang menjadi pusat kegiatan masyarakat tetap dikunjungi. Masjid Kampung Lonek tetap menjadi tumpuan penduduk sekitar terutama pada hari Jumaat. Manakala pada hari-hari lain, masjid hanya dikunjungi oleh orang-orang kampung yang tinggal berhampiran untuk menunaikan sembahyang fardhu maghrib, isha' dan subuh iaitu untuk sembahyang berjemaah. Selepas sembahyang, mereka bersama-sama akan membaca ayat-ayat Al Quran terutama surah Yassin, memohon kepada Allah S.W.T. agar dijauhi dari segala keadaan yang tidak aman itu³⁶. Kebetulan pula, pada hujung bulan September 1945 masyarakat Islam seluruhnya berada dalam bulan Ramadhan. Dengan demikian, kunjungi orang-orang kampung ke masjid dan surau menjadi lebih kerap. Pihak Bintang Tiga tidak pula menghalang orang-orang kampung berkumpul di tempat-tempat ibadat tersebut.

Walaupun pihak Bintang Tiga tidak mengganggu masyarakat ke masjid dan surau, namun mereka telah mencemar kesucian tempat

ibadat tersebut. Pihak Bintang Tiga telah membawa masuk anjing-anjing ke dalam beberapa buah masjid dalam kawasan Ulu Jempol. Perbuatan mencemar masjid di kampung-kampung di kawasan Ulu Jempol ini telah memberi kesan yang mendalam kepada penduduk sekitar masjid Kampung Lonek dan menjadi bahan bualan mereka sesama sendiri. Mereka juga mempersoalkan dan membincangkan perkembangan berita terakhir mengenai kegiatan-kegiatan Bintang Tiga di Batu Kikir.

Dalam usaha pihak Bintang Tiga untuk menguasai sesuatu tempat atau daerah, umpamanya di Batu Kikir, mereka tidak lupa mempengaruhi penduduk tempatan di kawasan berkenaan. Untuk mencapai tujuan ini mereka telah mengadakan propaganda-propaganda sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Jepun semasa awal pemerintahan mereka dahulu. Pihak Bintang Tiga telah menubuhkan kelab-kelab dan melantik beberapa orang ketua daripada kalangan masyarakat tempatan. Slogan aktiviti mereka adalah: "Jika kamu tidak mahu bekerjasama, kamu akan mati". Yuran sebanyak \$5.00 (wang British) dikenakan kepada setiap ahli, baik lelaki ataupun perempuan. Manakala orang-orang lelaki yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun dipaksa memasuki tentera Cina.

Sekolah-sekolah diambil alih dan dijadikan pusat perhimpunan orang-orang kampung. Salah sebuah sekolah yang dijadikan tempat perhimpunan ialah Sekolah Melayu Padang Lebar yang terletak kira-kira tiga batu setengah dari pekan Batu Kikir. Guru Besar sekolah tersebut, Cikgu Haji Abdul Latif bin Rentah telah dipaksa mengumpulkan orang-orang kampung di sekolah tersebut. Dalam perhimpunan itu, ketua Bintang Tiga kawasan Batu Kikir yang bernama Ah Chau telah memberi ucapan yang disampaikan dalam bahasa Melayu (dailek) tempatan³⁷. Antara lain beliau menegaskan bahawa pihaknya telah berjaya menghalau penjajah Jepun dan sekarang Tanah Melayu diperintah oleh Bintang Tiga³⁸. Beliau juga menegaskan bahawa pihak British akan kembali memerintah Tanah Melayu; justeru itu penduduk tempatan harus bersatu padu menentanginya. Menurutnyalah lagi, lambang bintang tiga yang mereka pakai itu menggambarkan tiga kaum yang terbesar di Tanah Melayu, iaitu Cina, Melayu dan India. Justeru itu, penduduk tempatan hendaklah memberi sokongan yang tidak berbelah bagi serta memberi sumbangan kepada pihak Bintang Tiga tempatan.

Setelah selesai menyampaikan ucapan, beliau telah melantik Guru Besar sekolah tersebut, Cikgu Latif bin Rentah sebagai ketua Bintang Tiga bagi penduduk sekitar pekan Padang Lebar. Cikgu Latif berasa berat menerima perlantikan tersebut, tetapi dalam keadaan yang ada, beliau tidak berani menolaknya. Menolak bererti nyawanya terancam³⁹. Pihak Bintang Tiga tidak melantik seorang ketua daripada kalangan penduduk kampung-kampung di sekitar pekan Batu Kikir kerana mereka menganggap penduduk di kampung-kampung tersebut telah tersedia terletak di bawah pimpinan ketua Bintang Tiga pusat yang bermarkas di pekan Batu Kikir.

Usaha Bintang Tiga untuk mempengaruhi penduduk tempatan telah mencapai kejayaan. Beberapa orang penduduk tempatan telah terpengaruh dengan propaganda tersebut. Mereka yang terpengaruh telah diberi alat senjata yang lengkap. Antara yang terpengaruh adalah Ujang bin Mahmud yang dianggap "boss" Bintang Tiga Melayu di Batu Kikir dan Padang Lebar. Beliau selalu berpakaian seragam lengkap dengan mempunyai dua pucuk pistol yang sentiasa terikat dipinggangnya. Selain Ujang, Ismail bin Pakeh Hasan, Yassin bin Picak, Bador bin Ismail dan Shamsudin bin Hasan juga terpengaruh dengan propaganda Bintang Tiga. Mereka yang tersebut ini berumur antara 30 hingga 40 tahun. Kesemuanya telah beristeri dan mempunyai anak.

Dalam tempuh kira-kira satu bulan setengah Bintang Tiga berkuasa di Batu Kikir, pelbagai peristiwa telah berlaku. Orang-orang kampung hanya berada dalam keadaan bertahan⁴⁰. Manakala orang-orang Cina pula begitu senang dengan kekuasaan pihak Bintang Tiga itu. Panggilan "Tuan" oleh orang-orang Melayu terhadap orang-orang Cina terdengar di mana-mana sahaja di pekan Batu Kikir. Di samping itu kedengaran juga kata-kata "Sekarang siapa raja? Kita raja" yang tidak menyenangkan perasaan orang-orang Melayu (Othman bin Nayan, 1973/74:8). Kata-kata tersebut pada hakikatnya ditujukan kepada orang-orang Melayu terutamanya kepada pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan seperti tuan-tuan guru, bekas penghulu, datuk-datuk adat, guru-guru dan orang-orang Melayu yang dihormati lain. Sementara orang-orang Melayu yang pro Bintang Tiga pula mengambil kesempatan daripada keadaan ini. Mereka bertindak sewenang-wenangnya apabila berlaku sesuatu yang menyinggung perasaan mereka.

Pada penghujung bulan Oktober 1945, pihak berkuasa British dan lima orang anggota polis Melayu telah menduduki balai polis Batu Kikir. Polis-polis tersebut hanya memakai toha dan tidak mempunyai pakaian seragam yang lengkap⁴¹. Tugas mereka hanya melaporkan sesuatu kejadian kepada pihak British yang berada di Kuala Pilah. Walau bagaimanapun, kehadiran pihak berkuasa tersebut tidak dapat menyekat pihak Bintang Tiga daripada melakukan tindakan-tindakan sesuka hati mereka.

Menjelang bulan September 1945 tersibar berita bahawa beberapa orang penduduk lelaki Batu Kikir dalam lingkungan umur antara tiga puluhan dan empat puluhan keluar menuntut ilmu kiai⁴². Selain Kuala Pilah, terutamanya Kampung Juasseh, ada juga yang pergi belajar hingga ke Melaka. Tujuan mereka menuntut adalah untuk mempertahankan diri, keluarga dan kampung. Mereka, walaupun terpaksa meninggalkan keluarga dalam keadaan cemas dan bahaya, kadang kala sampai tiga hari tiga malam, kaum keluarga masing-masing khususnya dan seluruh anggota masyarakat kampung amnya merestui pemergian itu.

Menyedari kepentingan ilmu kiai demi keselamatan seluruh masyarakat Batu Kikir, Cikgu (Haji) Sulaiman bin Abdullah telah mencadangkan kepada beberapa orang tua dan tuan-tuan guru untuk membawa seorang kiai ke Kampung Lonek. Cadangan ini telah mendapat sambutan daripada seluruh masyarakat. Dengan adanya persetujuan ramai itu, Cikgu Haji Sulaiman dan Haji Yahya bin Nu'man telah berbasikal ke masjid Paya Rumput, Melaka menjemput Kiai Selamat untuk dijadikan guru ilmu kiai. Kiai Selamat ialah seorang keturunan Banjar dan anak murid kepada Kiai Haji Saleh⁴³ bin Abdul Karim di Parit Maimon, Batu Pahat, Johor. Kiai Selamat telah dibawa ke Kampung Lonek di mana beliau menurunkan ilmu kiai di balai masjid kampung tersebut dan di rumah Cikgu Haji Sulaiman yang terletak kira-kira 20 rantai dari perkarangan masjid tersebut.

Kehadiran Kiai Selamat di masjid Kampung Lonek menurunkan ilmu kiai menyebabkan masjid tersebut tidak putus-putus dikunjungi oleh penduduk tempatan dan juga orang-orang dari daerah luar seperti Jelebu, Gemas dan Segamat. Dalam masa dua minggu sahaja telah terdapat beratus-ratus orang anak murid Kiai Selamat. Walau bagaimanapun tidak terdapat seorang pun muridnya yang perempuan

kerana mungkin kaum perempuan Batu Kikir ketika itu tidak diizinkan untuk berbuat demikian⁴⁴.

Walaupun Kiai Selamat disambut baik oleh seluruh penduduk Batu Kikir, namun orang-orang yang menjadi kuncu-kuncu pihak Bintang Tiga memandang serong dan tidak yakin kepada ilmu yang diturunkan oleh Kiai Selamat. Mereka, walau bagaimanapun tidak pula cuba membuat sebarang tindakan atau halangan. Mereka hanya berdiam diri sahaja⁴⁵.

Penurunan ilmu kiai ini telah memberi semangat baru kepada penduduk Batu Kikir. Dalam diri mereka telah tumbuh keyakinan kerana mereka sekurang-kurangnya telah mempunyai sedikit sebanyak ilmu kebatinan untuk mempertahankan diri. Walaupun demikian, mereka tidak akan bertindak secara melulu. Satu penyegera dalam bentuk motif atau tujuan diperlukan untuk mempercepatkan mereka bertindak.

Penyegera Peristiwa Batu Kikir

Pergerakan sesuatu kelompok masyarakat mempunyai tujuan tertentu. Kelompok masyarakat akan bersatu tenaga menentang elemen-elemen yang mereka fikirkan membawa perpecahan kepada masyarakat. Mereka tidak dapat memberi justifikasi dengan sewajarnya terhadap elemen-elemen tersebut sekiranya elemen-elemen itu tidak mengadakan perjuangan dan tindakan yang menyegerakan (Berkhoffer, 1971:46-50). Untuk ini nilai-nilai dan norma-norma masyarakat tersebut tidak dengan sendirinya menentukan sesuatu tindakan.

Oleh yang demikian, Peristiwa Batu Kikir 1945 ini perlu dilihat bagaimana tindakan masyarakat tempatan terhadap pencabulan nilai-nilai dan norma-norma kesatuan kelompok masyarakat mereka. Sebagai satu tindakan sosial peristiwa ini harus dilihat bagaimana tenaga-tenaga individu itu memberi sumbangan sebagai anggota suatu kelompok masyarakat. Walaupun gejala atau faktor penyegeraan itu telah wujud dan menjadi motif utama untuk bertindak, seharusnya pula diberikan pentafsiran tentang kejadian tersebut sesuai dengan kepentingan-kepentingan persekitarannya. Pemimpin menjadi faktor penggerak yang utama walaupun ia bukan daripada kelompok masyarakat itu sendiri.

Jika dilihat apa yang berlaku di Batu Kikir sejak Jepun menyerah kalah banyak motif yang boleh menjadi penyegera. Sebagai contoh, agen-agen Bintang Tiga sering datang ke rumah mangsa yang di tahan dalam rumah sendiri. "Pesalah" akan dipanggil keluar rumah. Apabila orang berkenaan sampai ke pintu rumah, lehernya akan ditanjul dan terus direntap hingga jatuh ke tanah. Selain penyeksaan begini, tidak kurang daripada lima orang telah mati di bunuh. Selain daripada dua orang yang disebut di atas (Zainal bin Lahin dan Ujang bin Deraji) sekurang-kurangnya empat orang lagi telah dibunuh atas sebab-sebab yang tidak seimbang dengan hukuman yang dikenakan. Keempat-empat orang tersebut, mengikut Jamaludin Samsudin (1998:35) ialah:

1. Usuh (Yusuf?) Kambing. Beliau dibunuh kerana mencuri kambing.
2. Ayub Karl. Tidak diketahui dengan pasti kesalahannya.
3. Haji Ahmad Peral. Beliau dibunuh kerana beliau seorang haji dan tuan guru.
4. Haji Husin dari Kampung Serting juga tidak dapat dipastikan sebab beliau dibunuh. Besar kemungkinan sebab beliau seorang haji dan tuan guru yang dihormati oleh penduduk.

Satu lagi ciri penganiayaan yang agak ketara dilakukan oleh pihak Bintang Tiga ialah menjadikan tuan-tuan guru dan tuan-tuan haji sebagai sasaran penyeksaan dan pembunuhan. Tuan-tuan guru dan haji adalah orang berpengaruh kuat di kalangan orang-orang Batu Kikir.

Kesemua tindakan Bintang Tiga selama kira-kira sebulan setengah itu telah mencabul sistem nilai dan norma masyarakat Melayu di Batu Kikir. Namun masih tidak dapat menjadi pendorong atau menjustifikasikan orang-orang Batu Kikir untuk bertindak menentang secara kolektif. Mereka tetap bersabar dan bertahan.

Pembunuhan ke atas kira-kira 300 orang Cina di pekan Padang Lebar pada 5 November 1945 juga tidak menimbulkan sebarang reaksi positif di kalangan penduduk Batu Kikir. Orang-orang kampung di Batu Kikir tetap menjalankan aktiviti-aktiviti sehari-harian mereka seperti

turun ke sawah, pergi ke sungai menangkap ikan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, di dalam pertemuan-pertemuan, perbualan atau perjumpaan mereka di kedai, di masjid, di surau atau di mana-mana sahaja, masing-masing tetap menceritakan perkembangan-perkembangan terakhir mengenai peristiwa berdarah di pekan Padang Lebar. Namun, mereka tidak berjaya bergerak sebagai satu pergerakan sosial kolektif untuk menentang pencabulan ke atas norma dan nilai hidup mereka.

Penyegera dan puncak kemarahan orang-orang Melayu Batu Kikir yang membuat mereka bertindak secara kolektif bukan berpunca kerana pembunuh tetapi kerana penangkapan seorang tuan guru dan ulamak iaitu Haji Yahya bin Nu'man di pekan Batu Kikir pada kira-kira jam 11.00 pagi. Haji Yahya yang tinggal di Kampung Lonek, ketika itu sedang dalam perjalanan pulang daripada mengajar mengaji di sebuah surau di Kampung Terentang⁴⁶. Beliau singgah di pekan untuk membeli sesuatu. Semasa membeli barang berkenaan beliau telah ditangkap dan terus diikat oleh sepasukan Bintang Tiga yang terdiri daripada 30-40 orang.

Mengapa Haji Yahya ditangkap, tidak dapat dipastikan. Berkemungkinan sebab beliau membawa sebilah parang pendek yang diselitkan di pinggangnya. Menurut Lebai Yunus bin Ahmad, Haji Yahya hanya dalam minggu tersebut sahaja berjalan membawa parang lantaran desas desus serta terjadinya peristiwa berdarah di pekan Padang Lebar⁴⁷.

Penangkapan Haji Yahya ini telah disaksikan oleh salah seorang penduduk Kampung Lonek bernama Latif bin Jamin⁴⁸. Haji Yahya memberi isyarat kepadanya agar melapurkan kejadian itu kepada pihak tentera British⁴⁹. Akan tetapi Latif telah terus pulang memberitahu orang-orang Kampung akan kejadian tersebut. Mendengar berita itu orang-orang kampung mulai gempar. Suasana seluruh Kampung Lonek menjadi tegang. Kebetulan pada ketika itu, Kiai Selamat sedang mengajar anak muridnya di masjid. Apabila berita tersebut dimaklumkan kepadanya, beliau berkata⁵⁰:

Sekiranya pihak Bintang Tiga cuba melakukan sesuatu kepada Tuan Haji Yahya maka sesuatu yang tidak diingini akan terjadi. Tuhan akan bersama dengan hambaNya yang benar.

Dengan itu, Kiai Selamat menyuruh anak-anak muridnya pulang makan tengah hari sambil mengarahkan supaya bersiap sedia dengan senjata serta meminta mereka menyampaikan berita dan arahnya itu kepada rakan-rakan yang ditemui. Beliau juga menegaskan supaya setiap orang hendaklah hadir, lengkap dengan alat senjata di masjid Kampung Lonek apabila diseru nanti.

Di dalam suasana yang serba tegang dan resah gelisah biasanya seseorang individu itu akan mempersiapkan diri hingga menimbulkan satu keyakinan (Turner & Killian, 1957:16-17). Sebelum bertindak, individu itu juga perlu membuat beberapa pertimbangan yang merupakan keputusan terakhir dan muktamad. Justeru itu, dalam memobilisasikan sesuatu gerakan, terutama gerakan yang bersifat informal (Turner & Killian, 1957:13), maka fenomena-fenomena kepimpinan, susunan organisasi (termasuk organisasi musuh) dan bentuk gerakan merupakan pertimbangan-pertimbangan yang penting sekali (Smelser, 1962:253). Dalam peristiwa Batu Kikir yang dipimpin oleh Kiai Selamat pertimbangan-pertimbangan yang sewajarnya telah dibuat sebelum mereka bergerak termasuk menentukan tokoh-tokoh barisan hadapan, disiplin anggota dan jalan yang sesuai diikuti.

Selesai sahaja menyusun strategi, sembahyang asar, membaca surah Yassin dan berdoa kepada Allah S.W.T., orang-orang Batu Kikir yang berjumlah hampir 300 orang, di bawah pimpinan Kiai Selamat bergerak menuju ke pekan Batu Kikir, melalui jalan kampung untuk memulakan Peristiwa Batu Kikir 1945.

NOTA

- ¹ Istilah-istilah ini diberikan oleh responden-responden yang ditemui di sekitar pekan Batu Kikir. Antara istilah-istilah tersebut, istilah *Perang Batu Kikir* merupakan yang paling popular.
- ² Temu bual dengan Cikgu Haji Sulaiman bin Abdullah pada 17 Julai 1977 dan Haji Muhammad bin Tupin pada 18 Julai 1977.
- ³ Masyarakat petani dimaksudkan masyarakat yang menjadikan aktiviti pertanian sebagai satu cara hidup; dan menjalan aktiviti tersebut dengan menggunakan teknologi yang sederhana (F. Firth, 1967:135).
- ⁴ Tetapi menurut Nordin Selat (1976:70) penghulu Luak Jempol bergelar *Datuk Lela Pahlawan*.

- 5 Pada teorinya di Negeri Sembilan terdapat 12 suku iaitu: 1. Biduanda 2. Batu Hampar 3. Paya Kumbuh (Pekumbuh) 4. Mungkal, 5. Tiga Nenek 6. Seri Melenggang (Semelenggang) 7. Seri Lemak (Selemak) 8. Batu Belang 9. Tanah Datar (Tedatar) 10. Anak Melaka 11. Anak Acheh dan 12. Tiga Batu.
- 6 Di kawasan masjid Kampung Lonek terletak juga kawasan perkuburan.
- 7 Temu bual dengan Cikgu Haji Sulaiman bin Abdullah dan Haji Muhamad bin Tupin. Menurut laporan bancian penduduk 1947, penduduk kawasan Serting Ilir berjumlah 577 orang (lihat Dei Tufo, 1948:146).
- 8 Hasil temu bual dengan Haji Alias bin Haji Othman pada 15 Mei 1977
- 9 *Formal* di sini dimaksudkan seseorang anak itu diserahkan kepada seorang tuan guru dengan upacara tertentu.
- 10 Untuk keterangan lanjut tentang sistem pendidik sekolah pondok lihat Awang Had Salleh (1977:31-51)
- 11 Tetapi menurut buku *Sejarah Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan* sekolah ini didirikan pada tahun 1898.
- 12 Temu bual yang diadakan pada 15 Mei 1977.
- 13 Melalui temu bual yang diadakan pada 17 dan 18 Julai 1977.
- 14 Berdasarkan temu bual dengan Hjh Baenah bte Mahmod pada 15 Mei 1977
- 15 Hasil temu bual dengan Hjh. Baenah bte. Mahmod yang juga adik kepada Ismail bin Mahmod pada 15 Mei 1977
- 16 *The Syonan Sinbun*, 20 Januari 1943
- 17 Menurut Katsumeta (Tokyo, 1954:579) *Jikei*-dan bererti: *a vigilance committee (organization or body); a bond or vigilance; a vigilance committee member.*
- 18 Menurut Katsumeta (Tokyo, 1954:258) *Fuku* bererti *assistant; associate; adjutant; deputy; substitute; acting; vice.*
- 19 Menurut Katsumeta (Tokyo, 1954:176) *Dancho* bererti *a commandant; a head; a leader, a boss*
- 20 Keterangan yang diberikan oleh Liki bin Ahmad dalam temu bual pada 16 Julai 1977 dan Haji Isa bin Ali pada 20 Julai 1977.

- ²¹ Keterangan yang diberikan oleh Hajjah Baenah binti Mahmod melalui temu bual pada 15 Mei 1977. Lihat juga *Semangat Asia*, No. 9 Tahun 1. Kagatsu (September) syowa 18, 2603 (1943):2.
- ²² Untuk keterangan lanjut tentang perkara ini lihat Akashi, 1961:29-30.
- ²³ Anggota bawah tanah yang anti-Jepun dan mendapat restu dari *Force 136* ialah MPAJA, AMS dan KMT. MPAJA majoriti ahlinya terdiri dari orang-orang Cina.
- ²⁴ Hasil temu bual dengan Hj. Latif bin Rentah pada 27 Julai 1977.
- ²⁵ Rumusan ini telah dibuat oleh Setiausaha Persekutuan Melayu Negeri Sembilan cawangan mukim Ulu Jempol.
- ²⁶ Keterangan daripada Liki bin Ahmad dalam temu bual yang diadakan pada 16 Julai 1977
- ²⁷ Keterangan daripada Haji Abdullah bin Md. Zain pada 19 Julai 1977 dan Abdullah bin Enot pada 18 Julai 1977.
- ²⁸ Hasil temu bual dengan Haji Yassin bin Maadom pada 18 Julai 1977. Lihat juga Hamzah Mohamad, 1969/70:13
- ²⁹ Keterangan daripada Haji Abdullah bin Md. Zain pada 19 Julai 1977
- ³⁰ Temu bual dengan Abdullah bin Endot pada 18 Julai 1977
- ³¹ Keterangan daripada Liki bin Ahmad pada 16 Julai 1977
- ³² Keterangan daripada Liki bin Ahmad pada 16 Julai 1977 dan Haji Alias bin Haji Othman pada 15 Mei 1977
- ³³ Temu bual dengan Haji Alias bin Othman pada 15 Mei 1977 dan Haji Othman bin Tahir pada 16 Julai 1977
- ³⁴ Temu bual dengan Liki bin Ahmad pada 16 Julai 1977 dan Abdullah bin Ali pada 19 Julai 1977
- ³⁵ Temu bual dengan Hajjah Siti Hawa binti Haji Othman pada 17 Julai 1977
- ³⁶ Keterangan daripada Haji Muhamad bin Tupin pada 18 Julai 1977
- ³⁷ Keterangan daripada Cikgu Haji Latif bin Rentah pada 27 Julai 1977

- ³⁸ Keterangan daripada Cikgu Haji Latif bin Rentah pada 27 Julai 1977. Lihat juga Burridge 1957:161
- ³⁹ Keterangan daripada Cikgu Haji Latif bin Rentah pada 27 Julai 1977. Lihat juga Othman bin Nayan, 1973/74:8
- ⁴⁰ Keterangan daripada Cikgu Haji Sulaiman bin Abdullah pada 17 Julai 1977. Lihat juga Hamzah Mohamad, 1969/70:13
- ⁴¹ Keterangan daripada Liki bin Ahmad pada 16 Julai 1977 dan Cikgu Haji Sulaiman bin Abdullah pada 17 Julai 1977
- ⁴² Kiai berasal dari bahasa Jawa. Istilah ini mengikut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1994:675) bermaksud: 1. Gelaran bagi alim ulama Islam; 2. orang yang berpengetahuan tinggi dalam hal-hal Agama Islam, Alim Ulama; 3. gelaran bagi guru ilmu ghaib (tasawuf). Justeru itu ilmu kiai ialah ilmu kebatinan dan setengah orang mengatakannya ilmu kebal. Lihat juga keterangan oleh Kartodirdjo, 1973:32-33 dan 49-51.
- ⁴³ Kiai Haji Saleh ini merupakan kiai yang mengasaskan tentera selendang merah di Muar dan Batu Pahat dalam bulan Oktober 1945. Untuk keterangan lanjut tentang beliau lihat Hairi Abdullah (1974/75:6-15)
- ⁴⁴ Keterangan Hajjah Siti Hawa binti Haji Othman pada 17 Julai 1977 dan Amai binti Mahmud pada 27 Julai 1977.
- ⁴⁵ Temu bual dengan Lebai Yunus bin Ahmad pada 21 Julai 1977
- ⁴⁶ Menurut Jamaludin Samsudin (1998:36) Haji Yahya singgah di pekan Batu Kikir dalam perjalanan pulang dari pekan Kuala Pilah
- ⁴⁷ Pernyataan Lebai Yunus bin Ahmad ini diperolehi dalam temu bual pada 18 Ogos 1977
- ⁴⁸ Temu bual dengan Lebai Yunus bin Ahmad pada 21 Julai 1977. Menurut Lebai Yunus, beliau mendapat berita keterangan ini daripada Haji Yahya sendiri selepas Peristiwa Batu Kikir itu. Jamaludin Samsudin (1998:36) pula menyatakan bahawa yang melihat penangkapan itu ialah Jamin, anak buah Haji Yahya.
- ⁴⁹ Ketika penangkapan itu berlaku tentera British yang dianggotai oleh orang-orang Punjabi hanya berkawal di perkarangan Balai Polis Batu Kikir
- ⁵⁰ Temu bual dengan Haji Abdullah bin Ali pada 19 Julai 1977. Pernyataan ini disokong oleh hampir semua responden yang ditemu bual.

BIBLIOGRAFI

1. Buku dan Artikel

- Agastja, I.K. *Sedjarah dan Perdjuaangan di Malaya*. Usaha Penerbitan Nusantara. Jogjakarta. 1951.
- Akashi, Y. "Japanese Policy towards Malayan Chinese 1941 - 45". *Journal Southeast Asia History*. Vol. 11. No. 1. Singapore. 1961.
- Awang Had Salleh. "Institusi Pondok di Malaysia", dim. Zainal Kling (eds.). *Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Perubahan*. Utusan Publications & Distributors. Kuala Lumpur. 1977.
- A. Samad Idris. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Utusan Melayu Bhd. Kuala Lumpur. 1968.
- Banton, M. *Race Relation*. Lavistock Publication, London. 1967.
- Berkhoffer, R.F. *Bahavtoral Approach to Historical Analysis*. The Free Press. New York. 1969.
- Burridge, O.I. "Racial Relations in Johor". *The Australian Jurnal of Polittics and History*. Vol. 11.No.2. May 1957.
- Chin Kee Onn. *Malaya Upside Down*. Federal Publications. Kuala Lumpur. 1976.
- Del Tufo, M.V. *A Report on the 1947 Census of Population Federation of Malaya*. Crown Agent. London. 1948.
- Fatimah Lamin, Razali Mustafa, dll. "Perang Batu Kikir". *Wartsan*. Bil. 14. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan*. Seremban. 1990.
- Firth, R. *Elements of Social Organizattion*. Tavistock Publication. London. 1967.
- Hatri Abdullah. "Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat". *Jebat*. Bil. 3/4 Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Kuala-Lumpur. 1975.
- Hamzah bin Mohamad. *The 14 days of Terror Before, During and After*. Tesis B. A. (Hons.). tidak diterbitkan. Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 1969/70.
- Husin Ali, S. *Masyarakat dan Pemimpinan Kampung di Malaysia*. Fajar Bakti Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. 1977.

- Hornby, A.S. *The Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Oxford University Press. Kuala Lumpur. 1963.
- Iredale, D. *Local History Research and Writing*. The Elmfield Press. London. 1974.
- Ismail Haji Hassan. *Pergaduhan Kaum di Padang Lebar - Batu Kikir*. Universiti Malaya. 1974/75.
- Jamaludin Samsudin, "Perang Senapang dan Parang (Perang Batu Kikir)". *Warisan*. Bil. 21. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan. Seremban. 1998.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1994.
- Kartodirdjo, S. *Protest Movements in Rural Jawa*. Oxford University Press, Kuala Lumpur. 1973.
- Katsumeta, S. *Kenkyusha's New Japanese - English Dictionary*. Kenkyusha Ltd. Tokyo. 1954.
- Khoo Kay Kim. "Penulisan Sejarah Sosial Malaysia" Kertas kerja *Seminar Sejarah Malaysia Ke-2*. Anjuran Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 hingga 8 Ogos 1974.
- Lee Ting Hui. "Singapore under the Japanese. 1942-1945". *Journal of South Seas-Studies*. Vol. 17. April 1961.
- Nordin Selat. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Utusan Melayu (M) Bhd. Kuala Lumpur. 1976.
- Md. Ali Hasan. *Peristiwa Batu Kikir 1945*. tesis B.A. (Hons.). tidak diterbitkan. Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 1977/78.
- Othman bin Nayan. *Pembunuhan di Padang Lebar (1945) Suatu Tragedi*. Kertas penyelidikan. Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 1969/70.
- Purcell, V. *The Chinese in Malaya*. Oxford University Press. Kuala Lumpur. 1967.
- Pucell, V. *Malaya: Communist or Free?* Victor Gollenz Ltd. London. 1954.
- Ratnam, K.J. *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaysia*, (terjem.) Universiti Malaya Press. Kuala Lumpur. 1969.
- Rogers, M.L. *Political Involvement in a Rural Malay Community*. Ph. D. dissertation. tidak diterbitkan. University of Michigan. 1969.

- Sejarah Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan*. Jawatankuasa Penulisan, Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan. 1975.
- Sidi Gazalba. *Masyarakat Islam: Pengantar Sosiologi dan Sostografi*. Pustaka Antara. Kuala Lumpur. 1976.
- Smelser, N.J. *Theory of Collective Behavior*. Routledge & Kegan Paul. London. 1962.
- Soedjatmoko, "Kesedaran sejarah dan pembangunan". *Prisma*. Tahun V. No. 7. Terbitan LP3ES. Jakarta, 1976.
- Teuku Ibrahim Alfian. "Tjatatatan singkat tentang Konsep Sedjarah Lokal". *Lembaran Sedjarah*. No. 6. Terbitan seksi penelitian djurusan sejarah Fakultas Sastera dan Kebudayaan, Universitas Gajah Mada, Djokjakarta. Disember 1970.
- Turner, R.H. & L.M. Killian. *Collective Behavior*. Prentice-Hall, Inc. New Jersey. 1957.
- Za'ba. "Marhaban! Marhaban!! Selamat datang!". *Warisan*. Bil. 23. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan. Seremban. 2000.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid. "Pendudukan Jepun dan Semangat Kebangsaan". dlm. Zainal Abidin bin Abdul Wahid. (ed.). *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 1971.

2. **Akhbar**

Majlis. 10 November 1949 dan 2 November 1950.

Malay Mail. 16 November 1945

Malayan Daily News. 20 November 1945.

Semangat Asia. Kugatau (September) syowa 18, 2603.

Seruan Rakyat. November 1945 - Januari 1946.

The Syonan Sinbun. Januari 1943.

Utusan Melayu. 19, 20 dan 21 November 1945.

3. **Senarai Responden**

Abdullah (Haji) bin Ali
Kampung Gajah Mati,
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1918 di Jeram, Selangor. Menerima pendidikan di Sekolah Melayu Jeram, Selangor. Sewaktu berumur 14 tahun telah mula merantau menuju ke Kuala Pilah. Pekerjaan asal ialah di Jabatan Parit dan Taliair Kuala Pilah hingga zaman pemerintahan Jepun. Kemudian kerja kampung.

Abdullah bin Enot
Kampung Serting Ilir,
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1921 di Kampung Batu Kikir. Menerima pendidikan di Sekolah Melayu Batu Kikir. Pekerjaan awal menjadi tentera British di Singapura hingga zaman pemerintahan Jepun, menjadi juru ukur dan alchimya kerja kampung.

Abdul Latif (Haji) bin Rentah
Kampung Kuala Jemapoh
Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1910 di Kampung Terentang, Padang Lebar, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Padang Lebar. Pada tahun 1927 memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC), Tanjung Malim. Kemudian mengajar di beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan.

Ahmad (Haji) bin Haji Ibrahim
Kampung Masjid Lonek
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1912 di Kampung Masjid Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir. Giat dalam lapangan perniagaan sejak zaman pemerintah Jepun. Beliau adalah juga datuk lembaga suku Tiga Batu dan bergelar Datuk Lela Di Raja.

Alias bin Haji Ismail
Kampung Serting Ilir
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1911 di Kampung Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan di Sekolah Melayu Batu Kikir. Pekerjaan awal ialah menjadi peon polis. Ketika zaman pemerintahan Jepun membuat kerja kampung. Menjadi ketua kampung Serting Ilir hingga tahun 1973.

Alias (Haji) bin Haji Othman
Kampung Masjid Lonek Hilir
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1913 di Kampar, Sumatera, Indonesia. Menerima pendidikan asas di Madrasah Darul-Funan-Asasstiyah, Kampar dan kemudian melanjutkan pelajaran ke Mekah hingga tahun 1925. Setelah itu mulai merantau ke Tanah Melayu dan Singapura. Ketika zaman pemerintahan Jepun giat dalam lapangan perniagaan runcit,

kemudian bekerja kampung. Beliau merupakan seorang bomoh yang terkenal di daerah Jempol dan Batu Kikir.

Amat binti Mahmod
Kampung Kuala Sialang Bahau, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1917 di Kampung Kuala Sialang, Bahau, Negeri Sembilan. Tidak mempunyai pendidikan formal yang tertentu.

Baenah (Hajjah) binti Mahmud
Kampung Bukit Kelulut Bahau,
Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1901 di Kampung Kuala Sialang, Bahau, Negeri Sembilan. Beliau tidak pernah mendapat pendidikan formal.

Isa (Haji) bin Ali
Kampung Kuala Sialang Bahau, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1912 di Kampung Tengah, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir dan sekolah pondok di Kedah. Pengalaman kerja hanya kerja kampung.

Liki bin Ahmad
Kampung Peladang Serting Ilir,
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1913 di Kampung Tengah, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir. Ketika pemerintahan Jepun menjadi Penolong Penghulu, kemudian kerja kampung.

Mohd. Noh (Haji) bin Haji Ismail
Kampung Lonek
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir di Kampung Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir dan sekolah pondok. Giat dalam lapangan perniagaan runcit.

Muhamad (Haji) bin Tupin
Kampung Lonek
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1904 di Kampung Kuala Sialang, Bahau, Negeri Sembilan. Menerima

pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir dan sekolah pondok di Kedah. Pengalaman kerja hanya sebagai pekerja kampung. Dilantik menjadi datuk lembaga suku Tanah Datar bergelar Datuk Sri Amar Menterl.

Othman (Haji) bin Tahir
Kampung Padang Lalang Bahau,
Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1919 di Kampung Kuala Stalang, Bahau, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Jempol. Pengalaman kerja sebagai buruh di Jabatan Parit dan Taliatr dan Jabatan Kerjaya.

Siti Hawa (Hajjah) binti Haji Othman
Kampung Masjid Lonek
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1927 di Kampung Kuala Stalang, Bahau, Negeri Sembilan. Beliau tidak mempunyai pendidikan formal.

Sulaiman (Haji) bin Abdullah
Kampung Masjid Lonek
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1916 di Kampung Serting Ilir, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Jempol. Pada tahun 1933 dilantik menjadi guru pelatih dan kemudian memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC). Kemudian mengajar di beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan. Pada tahun 1967 dilantik menjadi Penghulu Luak Jempol dengan gelaran Datuk Lela Putera Sitiawan.


Yassin (Haji) bin Ma'adum
Kampung Lonek
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1920 di Kampung Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Jempol dan sekolah pondok di Kedah. Kemudian memasuki lapangan perniagaan runcit.

Yunus (Lebai) bin Ahmad
d/a Kedai Simpang Padang Lebar
Batu Kikir, Negeri Sembilan.

Lahir pada tahun 1922 di Kampung Lonek, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Batu Kikir dan sekolah pondok di Kedah. Pengalaman kerja talah kerja kampung dan perniagaan runcit.

Peta 1:
KEDUDUKAN BATU KIKIR, NEGERI SEMBILAN



Peta 2:
BATU KIKIR DAN KAMPUNG-KAMPUNG DI SEKITARNYA

